

>>Penuntut diberi peluang melalui pelbagai aktiviti desa termasuk sukan rakyat

22-04-2016

metroplus

3

HARIAN METRO



PESERTA daripada 15 negara menggagau ikan pada Program Anak Angkat UPM di Inap Desa Kampung Air Manis, Sabak Bernam.

Seronok gagau ikan

■ 55 pelajar PhD, ijazah pertama UPM daripada 15 negara sertai Program Silang Budaya

Mohd Shukor Amin

hmetroshahalam@hmetro.com.my

Sabak Bernam

Seramai 55 pelajar Program Doktor Falsafah (PhD) dan ijazah pertama Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada 15 negara gembira menghayati keindahan suasana desa dalam program Silang Budaya Bersama Inap Desa pusat pengajian tinggi awam di Inap Desa Kampung Air Manis, di sini, baru-baru ini.

Penuntut diberi peluang melalui pelbagai aktiviti desa termasuk sukan rakyat, mencanting batik, menggagau ikan, melawat Bukit Melawati Kuala Selangor, bersiar di pantai Bagan Nakhoda

Omar (BNO), menikmati keindahan kelip-kelip di Sungai Panjang, melawat galeri padi serta melakukan sendiri upacara perkahwinan masyarakat Melayu dalam pernah adat istiadat.

Penuntut dari Nigeria, Nasar Mansir, 36, berkata, dia tertarik dengan makanan dan budaya masyarakat negara ini yang mesra dan suka membantu.

"Kebanyakan makanan di sini pedas, tetapi sedap dan ia sangat berbeza daripada makanan di negara saya," katanya.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dari Jerman, Dominic Giappisell, 23, berkata, hampir sebulan berada di negara ini dia mula menyukai negara ini kerana keunikan masya-

rakat berbilang kaum.

Menurutnya, sebelum datang ke negara ini dia mencari maklumat mengenai keistimewaan Malaysia dan akhirnya dapat menikmati sendiri termasuklah makanan, keindahan pantai dan suasana desa yang menenangkan.

"Walaupun cuaca di sini agak panas berbanding di Jerman, namun saya gembira tinggal di sini," katanya.

Peserta pertukaran penuntut dari Turki, Merul Kuses, 23, menyatakan kekagumannya terhadap keserasian masyarakat di negara ini yang sangat memperingkat kasih sayang, bantu-membantu dan hormat menghormati antara satu sama lain.